

Semasa melancarkan manifesto, Najib gunakan populariti diri, berkempen untuk BN

Malaysian Insider

April 7, 2013

Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 7 April — Datuk Seri Najib Razak cuba mendapatkan sokongan rakyat Malaysia untuk Barisan Nasional (BN) malam tadi dalam apa yang dilihat sebagai pendekatan kempen ala presiden untuk Pilihan Raya 2013, oleh kerana populariti gabungan yang beliau pimpin masih dibelakang populariti peribadinya.

Pengerusi BN itu bertanya kepada penyokong yang hadir di Stadium Putra Bukit Jalil siapa mereka yang letakkan kepercayaan untuk memimpin negara — Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, parti komponen Pakatan Rakyat (PR), Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, atau dirinya.

Penyokong-penyokong yang memakai baju biru warna BN yang memenuhi stadium itu berdiri dan menyahut “Najib!, Najib!” dengan kuat.

“Kalau rakyat Malaysia jawapannya Najib, maka sokonglah dan undi BN, kerana saya tidak boleh melakukannya bersendirian, saya perlukan pasukan saya,” katanya kepada penyokong yang turut bersorak.

Ketika ditanya pemberita kemudiannya, sebelum beliau meninggalkan stadium, Najib hanya tersenyum dan berkata “Thank You” kepada komen yang mengatakan beliau umpama presiden ketika melancarkan manifesto BN untuk pilihan raya umum (PRU)13.

Bulan lalu, The Malaysian Insider melaporkan Najib menggunakan pendekatan kempen Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama pada 2008 untuk mendekati pengundi kali pertama Malaysia secara langsung dengan “Kit Tindakan” tertulis slogan “Kami Menyokong Najib Razak”.

Sumber dalam BN memberitahu sebelum ini 3.3 juta pengundi kali pertama akan menjadi kunci kepada prestasi gabungan pemerintah dalam PRU 13.

Gaya ala presiden Najib menjelang PRU13 juga boleh dilihat dalam ucapan ala “State of Union” — sama seperti di AS — apabila beliau mengumumkan kad laporan kerajaan dan pencapaian di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Inisiatif perdana menteri kerajaan sementara itu telah membuatkan beliau lebih popular dari kerajaan BN dengan tinjauan terbaru Merdeka Center menunjukkan kadar kelulusan beliau 61 peratus pada Februari, menurun berbanding 63 peratus Disember lepas.

Kedua-dua kerajaan dan parti beliau telah menjaringkan hanya di atas 40 peratus penilaian kelulusan dalam kajian sama, mencerminkan kepentingan beliau kepada usaha-usaha BN untuk mendapatkan semula majoriti tradisi dua pertiga yang hilang dalam Pilihan Raya 2008.

BN akan melawan pembangkang persekutuan Pakatan Rakyat (PR) untuk sokongan daripada 13.3 juta pengundi di 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam pilihan raya yang mungkin akan diadakan bulan ini.

Sumber mengatakan BN yakin untuk mendapatkan semula parlimen majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum akan datang di negara ini manakala musuh mereka yakin mempertahankan apa yang diperolehi dalam Pilihan Raya 2008.

BN dijangka akan mengumumkan senarai calon pada Selasa depan dengan sumber mengatakan 40 peratus terdiri daripada muka-muka baru. PR telah menamakan beberapa calon tetapi dijangka akan mengumumkan senarai penuh sebelum hari penamaan calon.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan bertemu pada Rabu untuk menetapkan tarikh hari penamaan calon dan hari mengundi.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/semasa-melancarkan-manifesto-najib-gunakan-populariti-diri-berkempen-untuk-bn/>